

WASATIYYAH AL-AZHAR UNTUK SEMUA

الرّوایة
إصبروا وصابروا وربطوا


Malaysia, Januari 2023

Al-Azhar al-Sharif, sebuah institusi pendidikan tinggi yang ditubuhkan lebih 1,500 tahun yang lalu, selama ini ia berjaya memikul amanah dan tanggungjawab memelihara Islam dan menyebarkan risalahnya ke seluruh dunia. Al-Azhar sentiasa konsisten dengan pendekatan wasatiyyah dalam menjelaskan kesucian dan keaslian agama yang menjadi asas kepada kemajuan dan ketamadunan. Ia juga berjaya menangkis salah fahaman serta salah tafsiran yang dilakukan dengan sengaja ataupun tanpa sedar, namun inapknya tetap memburukkan wajah Islam di pentas global.

Dalam konteks Malaysia, al-Azhar telah menganugerahkan lebih 15,000 orang alumni dari kalangan anak watan Malaysia sejak akhir 1950-an. Generasi awal lepaan al-Azhar sebenarnya adalah abna' al-Azhar yang tulen. Hampir keseluruhan mereka belajar dengan percuma bahkan ramai yang mendapat pembiayaan dari al-Azhar yang menjadi model terulung universiti waqaf di dunia.

Golongan awal inilah yang telah memberi sumbangan yang amat signifikan dalam kemajuan Islam di Malaysia melalui pelbagai sektor, khususnya pendidikan, politik dan pengurusan hal ehwal Islam. Sebenarnya al-Azhar menjadi qiblat ilmu bagi Malaysia dan dunia Islam 'amnya.

Menurut Prof. Madya. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, Presiden WAAG Malaysia pada 1 Mac 2012, merupakan hasrat peribadi serta pengiktirafan dan penghargaan daripada al-Imam al-Akbar, Syeikh al-Azhar as-Sharif, Prof. Dr. Ahmed Mohamed Ahmed el-Tayyeb. Syeikh al-Azhar telah memberi amanah kepada beliau selaku Presiden dengan disokong oleh barisan kepimpinan WAAG Malaysia yang mewakili pelbagai latar belakang. Hakikat bahawa lima dari empat belas orang pimpinan WAAG Malaysia, bukan dari kalangan lepaan Universiti al-Azhar membuktikan bahawa Wasatiyyah al-Azhar adalah untuk semua dan harus menjadi gagasan perjuangan semua golongan ilmuwan. Menurut Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti lagi, WAAG Malaysia merupakan salah satu dari tujuh cawangan WAAG peringkat antarabangsa. Kelebihan Malaysia dari segi iklim politik dan sosio-ekonomi boleh menjadi pemangkin kepada kepantasan dan keaktifan WAAG cawangan Malaysia.



Sidang
Redaksi

PENASIHAT

Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti
Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz

KETUA REDAKSI

Dr. Asyraf Isyraqi Jamil

ANGGOTA REDAKSI

Ustaz Abdul Rahim Abd Latif
Ustaz Rafat Mohamed Harb Abu Sabaha
Ustaz Luqman Afifi Sabri

REKA BENTUK

Ustaz Ali @ Dudi Rusadi

PENCETAK

IBEX Printing

Malaysia, Januari 2023

KULIAH MAGHRIB DI MASJID AL-MUSTAQIM KAJANG

Pada Tarikh 13 Januari 2023 telah Berjaya mengadakan program Kuliah Maghrib yang di bimbing oleh Y.Bhg al-Fadhil Ustaz Abdullah bin Mat (Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia) yang bertempat di Masjid al-Mustaqim Kg. Dato' Abu Bakar Baginda, Kajang Selangor. Pada kuliah kali ini al-Fadhil Ustaz membuka kajian kitab "Tafsir Ayat Ayat Ahkam" yang mana ramai dihadiri oleh para jama'ah Masjid al-Mustaqim serta masyarakat kampung sekitar.



The poster features a purple and white color scheme. On the left, there is a logo for Masjid al-Mustaqim. The main text in the center reads: "KULIAH MAGHRIB MASJID AL-MUSTAQIM KG. DATO' ABU BAKAR BAGINDA KITAB : TAFSIR AYAT AYAT AHKAM 13 JANUARI 2023 JUMAAT". To the right is a portrait of the speaker, Al-Fadhil Ustaz Abdullah bin Mat. A pink banner at the bottom of the poster says "Al-Fadhil Ustaz Abdullah bin Mat". On the left side, there is a pink text box that says "Semua dijemput hadir".

KULIAH SUBUH DI MASJID PUTRA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Pada Tarikh 14 Januari 2023 telah berlangsung pengajian rutin Kuliah Subuh yang dibimbing oleh Y.Bhg al-Fadhil Ustaz Abdullah bin Mat (Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia), pada kesempatan kali ini bertempat di Dewan Solat Utama Masjid Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Yang turut disiarkan secara langsung dalam talian website dan facebook.




The poster has a dark red background. On the left is a portrait of Al-Fadhil Ustaz HJ. Abdullah Bin Mat, with the text "AL-FADHIL USTAZ HJ. ABDULLAH BIN MAT Mantan Imam Masjid Negara" below it. The main text on the right reads: "KULIAH SUBUH SABTU @MASJIDPUTRA 14 JANUARI 2023 DEWAN SOLAT UTAMA MASJID PUTRA". At the top right, there is a yellow box with the text "MUSLIMIN MUSLIMAT DIJEMPUT HADIR". At the bottom, there are social media icons for Facebook, Twitter, Instagram, and YouTube, along with the website address "www.masjidputra.gov.my".

Malaysia, Januari 2023

MAJLIS MAKAN MALAM PERDANA MENTERI MALAYSIA DENGAN RAKYAT MALAYSIA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pertemuan pada Majlis Makan Malam Presiden Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) bersama YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Luar Negeri Malaysia YB Dato' Seri Dr. Zambry bin Abdul Kadir serta Duta Besar Malaysia ke Brunei semasa lawatan Perdana Menteri Malaysia ke Brunei pada hari Selasa 23 Januari 2023.



Dalam perbincangan tersebut sempat membahas seputar aktiviti Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) dan rencana kerjasama bersama agensi negeri untuk menyatukan peranan Al-Azhar Al-Sharif melalui grad-uannya untuk menyebarkan faham kesederhanaan dan konsep Islam yang betul di kalangan seluruh negara.



Terdapat juga perbincangan panjang lebar mengenai peranan Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) dalam membangunkan hubungan antara Malaysia dan Al-Azhar Al-Sharif sebagai bahagian besar dan tidak dapat dipisahkan dalam hubungan antara Malaysia dan Mesir.



KULIAH SUBUH DI MASJID BANDAR BARU AMPANG SELANGOR

Pada Tarikh 27 Januari 2023 telah Berjaya mengadakan program Kuliah Maghrib yang di bimbing oleh Y.Bhg al-Fadhil Ustaz Abdullah bin Mat (Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia) yang bertempat di Masjid Bandar Baru Ampang, Selangor. Pada kuliah kali ini al-Fadhil Ustaz membuka kajian yang bertemakan “Rukun Kestabilan, Patriotisme Dalam Perspektif Islam” yang mana ramai dihadiri oleh para jama'ah Masjid serta masyarakat kampung sekitar.



Malaysia, Januari 2023

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA MENTERI SARAWAK

Kunjungan hormat ke atas KETUA MENTERI SARAWAK, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah diadakan di pejabat Premier Sarawak pada hari Sabtu 29 Januari 2023. Hadir ialah YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Timbalan Pengarah IKIM, yang juga Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia bersama para petinggi daripada kementerian Sarawak, serta delegasi daripada IKIM.



Dalam pertemuan yang berlangsung hampir sejam itu, objektif utama adalah membincangkan dalam membangun kerjasama antara kedua belah pihak, serta membincangkan perkembangan peranan Al-Azhar dan memberi perkhidmatan kepada pelajar lepasan Al-Azhar, juga membincangkan kemungkinan-kemungkinan yang dapat memberi sokongan intelektual, pendidikan, kesedaran dan latihan kepada imam-imam masjid dan para pendakwah negeri Sarawak, Malaysia.



TAKLIMAT ONLINE IMTIHAN TAHDID MUSTAWA BERSAMA SMA MAAHAD ALMASHOOR PULAU PINANG

Taklimat Imtihan Tahdid Mustawa telah Berjaya dilaksanakan secara online dalam talian pada hari Selasa jam 10.00 pagi 7 Februari 2023 Bersama SMA Maahad Almanshoor Pulau Pinang, Malaysia. Kehadiran dalam taklimat ini seramai 30 orang diantaranya 27 orang pelajar serta perwakilana daripada Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia Y.Bhg Ustaz Abdul Rahim Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia, Y.Bhg Ustaz Mohd Shukri bin Abd. Razak, Penolong Kanan Ting. 6, Y.Bhg Muhammad Hamzi bin Jamaludin, Setiausaha Peperiksaan STAM.

Taklimat ini merupakan pembentangan kali pertama bagi pihak WOAG Malaysia tahun 2023 ini. In Syaa Allah pada Tarikh 8 Februari 2023 akan diadakan pula pembentangan bersama pihak guru-guru & para pelajar STAM Selangor.

WOAG Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak SMA Maahad AlMashoor AlIslami Pulau Pinang atas jemputan taklimat ini. Apresiasi tahniah kepada guru-guru STAM & pihak Maahad yang menganjurkan taklimat ini, juga ribuan tahniah kepada para pelajar yang hadir untuk mendengar sedikit sebanyak tentang Imtihan Tahdid Mustawa & Kursus Bahasa Arab Online Markaz Syeikh Zayed 2023. WOAG Malaysia sangat mengalu-alukan bagi mana-mana pihak yang ingin menjemput kami untuk menerangkan tentang imtihan & kelas kursus online. Ini bagi memudahkan sebaran maklumat dengan lebih meluas & memberi kefahaman yang lebih mendalam. Semoga segala urusan dipermudahkan Allah S.W.T.



TAKLIMAT IMTIHAN TAHDID MUSTAWA & KURSUS BAHASA ARAB ONLINE MARKAZ SYEIKH ZAYED

Taklimat Imtihan Tahdid Mustawa & Kursus Bahasa Arab Online Markaz Syeikh Zayed telah Berjaya dilaksanakan di Dewan Auditorium Dahlia, Dewan Syarahan & Muzakarah, Shah Alam Selangor, Malaysia pada hari rabu jam 11.50 pagi hingga 1.10 petang 8 februari 2023 Bersama pihak penganjur Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Kehadiran dalam taklimat ini seramai 150 orang diantaranya Guru-guru STAM & Kaunseling sekolah seluruh Selangor dan Pelajar lepasan STAM & SPM seluruh selangor serta perwakilana daripada Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia, Y.Bhg Ustaz Abdul Rahim Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia, Y.Bhg Ust. Muhammad Rodhi b. Hamzah, Penolong Pengarah Unit Pengajian Tinggi BPI JAIS, dan Para Pegawai Bhgn. Pendidikan Islam JAIS.

WOAG Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak JAIS atas jemputan ini & apresiasi tahniah atas penganjuran program, juga kepada guru-guru & para pelajar lepasan SPM & STAM yang sudi meluangkan masa untuk mendengar taklimat ini.

Alhamdulillah, program berjalan dengan baik & penerimaan pelajar terhadap Imtihan & Kelas Kursus Online yang bakal dijalankan amat baik. Semoga usaha ini dapat menarik ramai lagi pelajar untuk menyertai Imtihan Tahdid Mustawa & Kursus Bahasa Arab Online Markaz Syeikh Zayed.



Malaysia, Februari 2023

TAKLIMAT PERSEDIAAN IMTIHAN TAHDID MUSTAWA ANJURAN IKATAN SAHABAT STAM

Taklimat Persediaan Imtihan Tahdid Mustawa telah Berjaya dilaksanakan di secara online dalam talian pada hari Selasa jam 9.00 hingga 11.30 malam 14 Februari 2023 Bersama pihak penganjur Jikatan Sahabat STAM. Kehadiran dalam taklimat ini seramai 160 orang diantaranya perwakilana daripada Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia, Y.Bhg Ustaz Abdul Rahim Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia, Y.Bhg Ustaz Izz Mirza, Pengerusi Ikatan Sahabat STAM, Y.Bhg Ustaz Syed Iman, Setiausaha Ikatan Sahabat STAM, serta Ibu Bapa dan Pelajar Lepasn STAM & SPM.

WOAG Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Ikatan Sahabat STAM atas jemputan taklimat semalam. Apresiasi tahniah kepada ibu bapa & para pelajar yang hadir untuk mendengar sedikit sebanyak tentang Imtihan Tahdid Mustawa & Kursus Bahasa Arab Online Markaz Syaikh Zayed 2023.

WOAG Malaysia sangat mengalu-alukan bagi mana-mana pihak yang ingin menjemput kami untuk menerangkan tentang imtihan & kelas kursus online. Ini bagi memudahkan sebaran maklumat dengan lebih meluas & memberi kefahaman yang lebih mendalam. Bittaufiq wannajah kepada semua calon Imtihan Tahdid Mustawa kelak.



Malaysia, Februari 2023

NADWAH UMMATAN WASATA 2023

Mutakhir ini, pemikiran ekstremisme dan amalan keganasan seringkali cuba untuk dikaitkan dengan agama Islam. Hakikatnya, penyelewengan terhadap nas-nas dan faham-faham agama memang boleh mewujudkan serta menyuburkan pemikiran ekstremisme dan amalan keganasan tersebut.

Sehubungan itu pada 20 Februari 2023, Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia - WOAG Malaysia dengan Kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) - Academy of Islamic Studies & Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mengambil inisiatif menganjurkan seminar (NADWAH UMMATAN WASATA 2023) bagi mengangkat tema konsep Wasatiyyah al-Azhar sebagai kunci penyelesaian terhadap isu-isu yang berlaku akibat daripada gejala ekstremisme dan keganasan yang melanda umat manusia masa kini.

Penganjur menampilkan tokoh panel dalam dan luar negara, iaitu: Y.Bhg Fadhilah Profesor Dr. Salamah Daud (Rektor Universiti al-Azhar ash-Sharif Republik Arab Mesir), Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti

(Presiden WOAG Malaysia dan Profesor Akidah di UNISSA Brunei), Y.Bhg Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Hj. Abdullah (Mufti Wilayah Persekutuan), Y.Bhg DCP Normah binti Ishak (Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas Bahagian Counter Terrorism (E8) Polis DiRaja Malaysia (PDRM)), Y.Bhg Profesor Dr. Mohd Fauzi bin Hamat (Pengarah APIUM dan Profesor Akidah dan Pemikiran Islam APIUM).

NADWAH UMMATAN WASATA 2023 (REALITI DAN CABARAN SEMASA)
ندوة تفصيل الأمة الوسط ٢٠٢٣ (حقائق وتحديات معاصرة)
20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)
JAM 10.00 PAGI HINGGA 4.30 PETANG
DALAM TALIAN

Fadhilah Professor Dr. Salamah Daud
Rector Universiti al-Azhar ash-Sharif
Republik Arab Mesir

Professor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti
Presiden WOAG Malaysia dan
Profesor Akidah di UNISSA Brunei

DCP Normah binti Ishak
Ketua Penolong Pengarah Cawangan
Khas Bahagian Counter Terrorism (E8) Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Professor Dr. Mohd Fauzi bin Hamat
Pengarah APIUM dan
Profesor Akidah dan Pemikiran Islam APIUM

Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Hj. Abdullah
Mufti Wilayah Persekutuan

FACEBOOK: WOAG Malaysia PAUTAN ZOOM <https://bit.ly/nuw2023>

DISIARKAN MELALUI zoom LIVE JEMPUTAN TERBUKA KEPADA SEMUA

SEKIAN KERUSAHA JALAN PERUSAHA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA (WOAG MALAYSIA)

SEKIAN KERUSAHA JALAN PERUSAHA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA (WOAG MALAYSIA)

Zoom Meeting

Wan Aminina, Prof. Dr. Mustafa Adil, pengurusan mjs, DCP Normah binti Ishak, Fakhruddin bin Abdul Mukti

NADWAH UMMATAN WASATA 2023 (REALITI DAN CABARAN SEMASA)
ندوة تفصيل الأمة الوسط ٢٠٢٣ (حقائق وتحديات معاصرة)

UNIVERSITI MALAYA

UNIVERSITI MALAYA

UNIVERSITI MALAYA

NADWAH UMMATAN WASATA 2023 (REALITI DAN CABARAN SEMASA)

Professor Dr. Mohd Fauzi bin Hamat
Pengarah APIUM dan Profesor Akidah dan Pemikiran Islam APIUM


NADWAH UMMATAN WASATA 2023 (REALITI DAN CABARAN SEMASA)

ندوة تفصيل الأمة الوسط ٢٠٢٣ (حقائق وتحديات معاصرة)

Zoom Meeting

Malaysia, Februari 2023

Objektif Nadwah Ummatan Wasata 2023 ialah Merungkai realiti dan cabaran semasa melalui kesederhanaan Umat juga Mengenal pasti dan mendefinisikan percanggahan yang berlaku dalam kesederhanaan Umat serta Membincangkan isu pemikiran ekstremisme dan halangannya terhadap kemajuan negara.



Pembentangan Panel Luar Negara oleh: Y.Bhg Fadhilah Profesor Dr. Salamah Daud, dengan Tajuk: Ummatan Wasata: Realiti dan Cabaran Semasa, Rektor Universiti al-Azhar ash-Sharif Republik Arab Mesir yang diwakili oleh Timbalan Rektor Y.Bhg Fadhilah Profesor Dr. Mohamed Abu Zayed al-Amer.

LAWATAN KERJA

Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia
WOAG Malaysia KE NEGERI SABAH

Pada 27 Februari hingga 2 Mac 2023 (Isnin hingga Khamis) Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah Berjaya melakukan satu lawatan kerja ke negeri Sabah, yang disertai seramai 8 delegasi iaitu Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia, Y.Bhg Prof. Dr. Mustaffa Abdullah, Setiausaha WOAG Malaysia, Y.Bhg Dr. Ahmad Yussuf, Bendahari WOAG Malaysia, Y.Bhg Prof. Dr. Mohd Fauzi Hamat, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, Y.Bhg Dato' Wan Mohamad Dato' Sheikh Abdul Aziz, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, Y.Bhg Datin Zaharah Md. Hashim, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, Y.Bhg Dato' Ismail Noor, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, Y.Bhg Ustaz Abdul Rahim Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia, Moga Allah memberkati, memayungi & melindungi serta memberi kemudahan atas segala usaha WOAG Malaysia demi kemaslahatan Ummat.



**LAWATAN KERJA WOAG MALAYSIA
KE NEGERI SABAH**

27 FEBRUARI - 2 MAC 2023

LIQA' MAHABBAH ALUMNI AL-AZHAR NEGERI SABAH
28 FEBRUARI 2023 (SELASA) JAM 7.00 MALAM
HOTEL RAIA KOTA KINABALU SABAH

Anjuran bersama WOAG Malaysia dan Alumni al-Azhar Sabah
(turut dihadiri Alumni al-Azhar Negara Brunei Darussalam)

 Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia - WOAG Malaysia
 woagmalaysia.org.my    

ANJURAN
Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia)
(Program berjalin bersama pihak UNISSA Brunei)

KUNJUNGAN HORMAT WOAG MALAYSIA KE PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

Kunjungan hormat ke atas MUFTI NEGERI SABAH telah diadakan di pejabat Mufti Negeri Sabah bermula pada jam 11.00 pagi 28 Februari 2023. Dalam kesempatannya Y.Bhg Sahibus Samahah Datuk Ustaz Haji Bungsu @ Aziz Bin Hj. Jaafar, Mufti Negeri Sabah telah menyampaikan Tausiyah yang bertajuk: Kepentingan Wasatiyyah dalam Dakwah Islamiyyah.

Hadir ialah delegasi Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia 6 orang, Y.Bhg S.S Mufti Negeri Sabah, Y.Bhg S.S Timbalan Mufti Negeri Sabah, Y.Bhg Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei, Y.Bhg Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei, serta para Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei, dan Staf Pejabat WOAG Malaysia, juga para Pelajar Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei 40 orang.



PERSIDANGAN MEJA BULAT

WOAG MALAYSIA DAN FAKULTI USULUDDIN UNISSA BRUNEI
BERSAMA PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

Pada 28 Februari 2023 bersamaan 7 Syaaban 1444H (Selasa) telah diadakan Persidangan Meja Bulat Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) dan Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei bersama Pejabat Mufti Negeri Sabah. Antara cadangan Pejabat Mufti Sabah yang disampaikan oleh S.S Mufti Sabah terhadap kerjasama WOAG Malaysia ada 2 perkara: Pertama Program Seminar untuk menangani Ekstremisme & Keganasan dengan kerjasama WOAG Malaysia. Kedua Mewujudkan Pusat Latihan Kefatwaan dengan kerjasama WOAG Malaysia. Pusat ini boleh diperluaskan ke negara jiran Indonesia, Vietnam, Kambojia & lain-lain.



Persidangan Meja Bulat berlangsung di Bilik Mesyuarat Pejabat Mufti Sabah Pada jam 12.00 tengah hari hingga 1.00 petang, manakala kehadiran daripada delegasi Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia 6 orang, serta Y.Bhg S.S Mufti Negeri Sabah, Y.Bhg S.S Timbalan Mufti Negeri Sabah, Y.Bhg Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei dan Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei juga para Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei dan Staf Pejabat WOAG Malaysia.



LIQA' MAHABBAH

WOAG MALAYSIA BERSAMA ALUMNI AL-AZHAR SABAH

Pada 28 Februari 2023 bersamaan 7 Syaaban 1444H (Selasa) telah diadakan perjumpaan (Liqa' Mahabbah) antara Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) Bersama alumni al-Azhar di negeri Sabah, Malaysia. Perjumpaan kali ini bertempat di Dewan Hotel Raia Kota Kinabalu Sabah, program bermula dari jam 8.00 malam hingga 10.30 malam yang dirasmikan oleh Y.Bhg. al-Fadhil Ustaz Malai Ali bin Malai Ahmad, Timb. YDP MUIS Sabah mewakili YB Datuk Dr. Hj. Mohd Ariffin bin Datuk Hj. Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Sabah.

Hadir ialah: Y.Bhg. al-Fadhil Ustaz Malai Ali bin Malai Ahmad, Timb. YDP MUIS Sabah, S.S Datuk Ustaz Hj. Bungsu @ Aziz bin Jaafar, Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Y.Bhg. Datuk Ustaz Hj. Saifulzaman bin Sangul, Pengarah JHEAINS Sabah, Y.Bhg. Datuk Hj. Aidi bin Moktar, Mantan Menteri Undang-undang & Hal Ehwal Anak Negeri, Y.Bhg. Datuk Ustaz Hj. Abdul Manap bin Lakariba, Timb. Mufti Negeri Sabah, Y.Bhg. Tn. Hj. Ag Syairin bin Ag Bakar, Timb. Pengerusi Perbadanan Baitulmal Sabah, dan delegasi Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia seramai 6 orang, serta Dekan, Timb. Dekan & Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei juga Alumni al-Azhar Brunei dan para Alumni al-Azhar Negeri Sabah serta Pelajar bakal sambung belajar di Qiraat Shubro Mesir.

Alhamdulillah liqa' berjalan dengan lancar, Azhariyyun & Azhariyyat dapat beramah mesra antara satu sama lain. WOAG Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak JHEAINS Sabah atas penganjuran program yang amat bermakna ini.



KUNJUNGAN HORMAT

WOAG MALAYSIA KE PEJABAT JAKIM SABAH

Kunjungan hormat Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) ke Pejabat JAKIM Sabah telah diadakan pada 1 Mac 2023 bersamaan 8 Syaaban 1444H hari rabu jam 11.30 pagi hingga 12.30 tengah hari di Pejabat JAKIM Sabah, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Malaysia. Hadir ialah: Y.Bgh. Datuk Hj. Norjeli bin Hj. Dais, Pengarah JAKIM Sabah, dan para Pegawai Unit-unit di bawah JAKIM Sabah, serta Presiden & Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia 7 orang, Y.Bhg. Dekan, Timb. Dekan & Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei, juga Sekretariat WOAG Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada pihak Pengarah JAKIM Sabah atas kesudian menerima kunjungan pihak WOAG Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT

WOAG MALAYSIA TERHADAP YAB KETUA MENTERI NEGERI SABAH

Kunjungan hormat Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) ke atas YAB Ketua Menteri Negeri Sabah telah diadakan pada 1 Mac 2023 bersamaan 8 Syaaban 1444H hari rabu jam 1.00 hingga 2.00 petang di Pejabat YAB Ketua Menteri Sabah, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Kota Kinabalu.

Hadir ialah: YAB Dato' Seri Panglima Hj. Hajiji bin Hj. Noor, Ketua Menteri Negeri Sabah, YB Datuk Mohd Arifin bin Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Sabah, Y.Bhg. Ustaz Hj. Malai Ali bin Malai Ahmad, Timb. YDP MUIS Sabah, serta Presiden & Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia 7 orang, dan Y.Bhg. Dekan, Timb. Dekan & Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei.

Alhamdulillah, WOAG Malaysia berkesempatan untuk berkunjung hormat terhadap YAB Ketua Menteri Sabah dalam sesi lawatan mahabbah ke Sabah kali ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada YAB Dato' Seri Panglima Hj. Hajiji Hj. Noor atas kesudian untuk menerima delegasi WOAG Malaysia, berjumpa & berbincang bersama. Juga tidak lupa kepada YB Datuk Mohd Arifin Mohd Arif, jutaan terima kasih atas kehadiran YB dalam liqa' ini. In Syaa Allah segala cadangan & pandangan yang dilontarkan akan dikotakan secepat yang mungkin. Barokallahu fikum.



PERBINCANGAN BERSAMA ALUMNI AL-AZHAR NEGERI SABAH

Pada 1 Mac 2023 bersamaan 8 Syaaban 1444H (Rabu) telah diadakan satu perbincangan Bersama alumni al-Azhar Negeri Sabah bertempat di Cafe Hotel Raia, Kota Kinabalu, Sabah jam 9.30 malam hingga 10.30 malam, diantara yang hadir dalam perbincangan tersebut ialah Y.Bhg. Datuk Hj. Mohd Manap Lakariba, Timbalan Mufti Negeri Sabah, Y.Bhg. Timbalan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) Alumni al-Azhar, dan Wakil Jabatan Pendidikan Sabah Alumni al-Azhar, Y.Bhg. Datuk Aidi Moktar, Mantan Menteri Agama Sabah Alumni al-Azhar, serta Presiden & Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia 7 orang dan sahabat handai veteran Alumni al-Azhar Sabah.

JazakumulLahu khayran diucapkan kepada Alumni al-Azhar Sabah yang sudi meluangkan masa berkorban tenaga untuk bersama berbincang mengenai hala tuju alumni al-Azhar Sabah.



KUNJUNGAN HORMAT WOAG MALAYSIA KE PEJABAT MUIS SABAH

Kunjungan hormat Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) ke Pejabat MUIS Sabah telah diadakan pada 2 Mac 2023 bersamaan 9 Syaaban 1444H hari khamis jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi di Pejabat MUIS Sabah, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia. Hadir ialah: Y.Bhg. Datuk Seri Panglima Hj Yahya Hj Hussin, YDP MUIS Sabah, Y.Bhg. Tuan Ramlan Ali, Setiausaha/CEO MUIS Sabah, dan para Pegawai Bhgn. Pentadbiran MUIS Sabah serta Presiden & Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia 7 orang, dan Y.Bhg. Dekan, Timb. Dekan & Pensyarah Fakulti Usuluddin UNISSA Brunei, juga Staf & Sekretariat WOAG Malaysia.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' Seri Panglima YDP MUIS atas kesudian menerima kunjungan ini. Moga beroleh keberkatan In Syaa Allah.



TAZKIRAH RAMADAN

Pada 4 April 2023M bersamaan 13 Ramadan 1444H (Selasa) jam 05.00 petang telah diadakan program Tazkirah Ramadan secara online dalam talian, (Youtube, Facebook, Instagram) atas anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).

Tazkirah Ramadan 1444H / 2023M bertajuk "Hikmah Berpuasa di Bulan Ramadan" yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti selaku Presiden Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) juga sebagai Profesor bidang akidah Fakulti Usuludin Universiti Islam Sultan Sharif Ali Negara Brunei Darussalam.



SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN DAN MAJLIS IFTAR

Forum Masyarakat Madani Acuan Al-Quran pada program “Sambutan Nuzul al-Quran dan Majlis Iftar” yang bertempat di Balai Ilmu Mahmood Zuhdi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM). Program ini diadakan pada 6 April 2023M bersamaan 15 Ramadan 1444H (Khamis) bermula dari jam 05.00 petang hingga 10.30 malam atas anjuran Persatuan Ulama Malaysia, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Surau al-Jami’ah APIUM.

Program ini di hadiri oleh beberapa tokoh agama iaitu YBhg. Prof. Dr Mustafa bin Abdullah, Setiausaha Agung WOAG Malaysia, YBhg. Datuk Mohamad bin Abdullah, YBhg. Peof. Madya Dr. Ishak bin Sulaiman, YBhg. Dr. Ahmad bin Yusof, Bendahari WOAG Malaysia, YBhg. Prpf. Madya Dr. Saupi bin Man, YBhg. Saudara Ahmad Solihin Baharim serta jama’ah Surau al-Jami’ah APIUM dan para pelajar Universiti Malaya.



**SAMBUTAN
NUZUL AL-QURAN
& MAJLIS IFTAR**

6 April 2023 | Balai Ilmu Mahmood Zuhdi APIUM

ATURCARA

5.00 Petang Forum Masyarakat Madani Acuan Al-Quran Panel 1: Prof Madya Dr. Mustaffa bin Abdullah Panel 2: Datuk Mohamad bin Abdullah Panel 3: Prof. Madya Dr. Ishak bin Sulaiman Moderator: Dr. Ahmad bin Yussuf	6.45 Petang Tausiyah Khas Ramadan Prof. Madya Dr. Saupi bin Man
6.30 Petang Tarannum Al-Quran Saudara Ahmad Solihin Baharim	7.22 Malam Majlis Iftar & Solat Maghrib
	8.45 Malam Solat Isya' & Tarawih
	10.30 Malam Moreh & Bersurai

ANJURAN
Persatuan Ulama Malaysia
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
Surau al-Jami'ah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

JEMPUTAN KE MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI

YAB Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Anwar Ibrahim telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga Pendidik, Ilmuwan, Ulama' dan NGO Islam, bertempat di Kompleks Seri Perdana pada 6 April 2023, Pejabat ini menjemput pihak Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) untuk berbuka puasa Bersama YAB Perdana Menteri.

Antara yang hadir dalam program ini iaitu YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, YBhg. Dr. Yamin bin Ismail, Timbalan Presiden WOAG Malaysia, YBhg. Ustaz Abd Rahin bin Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia serta Warga Pendidik dan Ilmuwan juga hadir daripada NGO Islam.



TAZKIRAH RAMADAN

Pada 7 April 2023M bersamaan 16 Ramadan 1444H (Jumaat) jam 05.00 petang telah diadakan program Tazkirah Ramadan secara online dalam talian, (Youtube, Facebook, Instagram) atas anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).

Tazkirah Ramadan 1444H / 2023 Tajuk: Hubungan Puasa Dengan Pembentukan Akhlak yang Mulia disampaikan oleh SS Datuk Prof. Madya Dr. Luqman Haji Abdullah Mufti Wilayah Persekutuan merangkap Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia.



HUBUNGAN PUASA DENGAN PEMBENTUKAN...

Tazkirah Ramadan 1444H / 2023 Tajuk: Hubungan Puasa Dengan Pembentukan Akhlak yang Mulia disampaikan oleh SS...

www.youtube.com

<https://www.youtube.com/watch?v=ccpKihFBzfk&t=160s>

2:34 PM ✓

RANCANGAN SELAMAT PAGI MALAYSIA (SPM) TV RTM

YBhg. Profesor Dr. Mustaffa bin Abdullah, Setiausaha Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah dijemput dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) Tv RTM, untuk mengupas tajuk "Sambutan Hari al-Azhar Sedunia 2023". Al-Azhar Jamian dan Jamiah dengan Manhaj Wasatiyyahnya melepasi segala cabaran zaman. Risalahnya untuk dunia mempertahankan turath dan menangani ilmu semasa. Menolak tasyaddud dan melampau yang mengganggu tuntutan perpaduan perdana ummah. Perpaduan ummah dan perdamaian Negara serantau dan global merupakan sasaran terbesar dlm perjuangan al-Azhar al-Syarif.

Rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) Tv RTM ini berlangsung pada 7 April 2023M bersamaan 16 Ramadan 1444H (Jumaat) jam 08.40 pagi di Studio TV RTM atas anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).



The banner features the RTM logo at the top left. The main text reads: "SAMBUTAN HARI AL AZHAR SEDUNIA 2023" and "PROF. DR. MUSTAFFA ABDULLAH SETIAUSAHA AHLI JAWATANKUASA INDUK, SAMBUTAN HARI AL AZHAR SEDUNIA 2023M/1444H". A portrait of Prof. Dr. Mustaffa bin Abdullah is shown on the right. At the bottom, it states "JUMAAT, 7 APRIL 2023 8:40 PAGI" and lists broadcast partners: tv1, BERITA (RTM) SALURAN 123, MYTV broadcasting SALURAN 101, and rtm. Social media handles for Facebook LIVE, Instagram, and Facebook are also provided.



TAZKIRAH RAMADAN

Pada 8 April 2023M bersamaan 17 Ramadan 1444H (Jumaat) jam 05.00 petang telah diadakan program Tazkirah Ramadan secara online dalam talian, (Youtube, Facebook, Instagram) atas anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).

Tazkirah Ramadhan 1444H / 2023M Tajuk: "Pandangan Salaf al-Soleh Dalam Amalan Beragama" yang disampaikan oleh: Y.Bhg. Al-Fadhil Ustaz Haji MUhammad Hana Fizi bin Abdullah Pengerusi Perhubungan Negeri Kelantan Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia.



Malaysia, April 2023

SAMBUTAN HARI AL-AZHAR SEDUNIA 2023M/1444H DAN IFTAR RAMADAN

WOAG Malaysia telah menganjurkan program "Sambutan Hari al-Azhar Sedunia 2023M/1444H dan Iftar Ramadan, Majlis ini diadakan di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, W.P Kuala Lumpur seawal jam 4.00 petang, majlis bermula dengan Perutusan dalam talian yang disampaikan oleh YAB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Dalam pidatonya YAB menyampaikan bahawa beliau percaya dengan tradisi Ilmu dan khazanah al-Azhar serta sumbangan besar bukan Sahaja di Malaysia tetapi Pendidikan Islam, kefahaman Islam, kesadaran Islam dan fikroh Islam yang dipelopori oleh alumni al-Azhar seluruh dunia dapat dipertahankan (ini yang disebut kubu pertahanan) akidah dan mental umat sejak berzaman dan seantero dunia, maka kita manfaatkan kehadiran rakan-rakan dan juga kegiatan supaya dapat memperluaskan dakwah kesadaran pencerahan kerasa usaha dalam Masyarakat madani ini penting dalam pengisian Ilmu.



Malaysia, April 2023


Program Sambutan Hari al-Azhar Sedunia kali ini cukup ramai yang menghadiri, selain daripada YAB Perdana Menteri Malaysia dan Fadhilah Profesor Dr. Mohamed al-Dhuwaini, Wakil Syeikh al-Azhar yang hadir secara online, iaitu YBhg. Prof Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia, YB Senator Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama), TYT Ragai Tawfik Said Nasr, Duta Besar Republik Arab Mesir di Malaysia, Al-Fadhil Dr. Khalid bin Isa, Imam Kanan Masjid Wilayah Persekutuan, serta Ahli-Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia dan 450 orang terdiri daripada tetamu-tetamu jemputan kehormat.



TAZKIRAH RAMADAN

Pada 10 April 2023M bersamaan 19 Ramadan 1444H (Jumaat) jam 05.00 petang telah diadakan program Tazkirah Ramadan secara online dalam talian, (Youtube, Facebook, Instagram) atas anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).

Tazkirah Ramadhan 1444H / 2023M Tajuk: Pengertian Puasa dalam Perspektif Mukmin. Disampaikan oleh: Prof Madya Dr Ahmad Faisal bin Abdul Hamid Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



Malaysia, April 2023

MESYUARAT POST MORTEM SAMBUTAN HARI AL-AZHAR SEDUNIA

WOAG Malaysia telah menjalankan Mesyuarat Posmortem Sambutan Hari al-Azhar Sedunia 2023 Secara Hybrid dan Majlis Berbuka Puasa, YBhg. Ahli Majlis Syura dan JK Induk HAS 2023 yang berkelengkapan turut hadir untuk bermesyuarat dan berbuka puasa bersama. JK Induk Hari al-Azhar Sedunia telah menyediakan Laporan Jawatankuasa masing-masing untuk dibentangkan dalam mesyuarat postmortem.

Mesyuarat diadakan pada 16 April 2023M bersamaan 25 Ramadan 1444H (Ahad) bermula dari jam 5.00 petang hingga 8.00 malam, bertempat di Bilik Mesyuarat YJN, dan Bilik Kenanga YJN (Majlis Berbuka Puasa). Hadir iaitu YBhg. Dato' Razali (Pengerusi HAS), YBhg. Dato' Wan Muhamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, YBhg. Dr. Yamin bin Ismail, Timbalan Presiden WOAG Malaysia, YBhg. Prof. Mustaffa bin Abdullah, Setiausaha WOAG Malaysia, YBhg. Ustaz Muhaimin, YBhg. Ustaz Abdul Rahim bin Abdul Latif, YBhg. Ustaz Ali Rashid bin Abd Hakim serta Sekertariat Hari al-Azhar Sedunia 2023 dan YBhg. Ahli Majlis Syura online.



TAZKIRAH RAMADAN

Pada 19 April 2023M bersamaan 28 Ramadan 1444H (Rabu) jam 05.00 petang telah diadakan program Tazkirah Ramadan secara online dalam talian, (Youtube, Facebook, Instagram) atas anjuran Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).

Tazkirah Ramadan 1444H/2023M, Tajuk: Peluang Keemasan Pada bulan Ramadan, disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mazlan bin Ibrahim, Timbalan Dekan Siswazah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.



PROF MADYA DR MAZLAN IBRAHIM | Peluang...
*TAZKIRAH RAMADAN 1444H/2023**Tajuk: Peluang
Keemasan Pada bulan Ramadan*disampaikan oleh YBhg....
www.youtube.com

<https://www.youtube.com/watch?v=TZQSEWyiStw&t=90s>

5:05 PM ✓

INTERNATIONAL SEMINAR ON EDUCATION FOR PEACEFUL CO-EXISTENCE

Cambodia University of Management and Technology dan Institute of Islamic Understanding Malaysia Understand Islam Build Civilization buat julung kalinya telah berkolaborasi dengan mengadakan International Seminar on Education for Peaceful Co-Existence dengan membariskan 4 orang ahli panel dengan salah seorang diantaranya adalah YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Syeikh Abdul Aziz, Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) dengan bertemakan "Education and Peaceful Co-Existence". Seminar Internasional ini diadakan pada 2 Mei 2023M bersamaan 11 Syawal 1444H (Selasa) Jam 8.00 pagi hingga 12.00 petang bertempat di Cambodia University of Management and Technology atas anjuran Cambodia University of Management and Technology.

Hadir iaitu YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Syeikh Abdul Aziz, Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, YBhg. Prof. Datuk ChM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Bekas Rektor Universiti Malaysia Sabah (UMS), YBhg. Datuk Dr. A Munir Yaacob, Bekas Ketua Pengarah IKIM, YBhg. Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Senior Fellow of IKIM dan para peserta.



KUNJUNGAN HORMAT KE KEDIAMAN MUFTI NEGARA KAMBODIA

Buat julung kalinya, Delegasi dari Malaysia bersama YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' syeikh Abdul Aziz, Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah mengadakan Kunjungan Hormat Ke Kediaman YBhg. Okhna Kamaruddin, Mufti Negara Kemboja pada 2 Mei 2023, Selasa. Setelah perbincangan berakhir pihak WOAG Malaysia menghadahkan buku terbaru terbitan WOAG Malaysia hasil karya Ulamak Mesir yang diterjemahkan kedalam Bahasa Melayu oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia.



SESI PERTEMUAN DENGAN PIMPINAN KOMUNITI ISLAM NEGARA KEMBOJA

YBhg. Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz, Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) bersama delegasi Malaysia telah mengadakan satu sesi pertemuan dengan pimpinan komuniti Islam Negara Kemboja, dengan membincangkan pelbagai hal berkaitan dengan perkara-perkara yang dapat memajukan ummat Islam khususnya di Negara Kemboja.



KUNJUNGAN HORMAT NAIB PRESIDEN WOAG MALAYSIA KE PEJABAT YADIM

YBhg. Ustaz Hj. Salehuddin Yaacob, Naib Presiden II Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah mengadakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat YBhg. Datuk Hasanuddin Mohd Yunus, yang baru dilantik sebagai Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) pada 10 Mei 2023, Rabu. Dalam kunjungan hormat kali ini membincangkan perancangan aktiviti-aktiviti bersama seterusnya yang dapat membawa kebaikan khasnya kepada Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).



MAJLIS JAMUAN AIDIL FITRI YAYASAN JABAL NUR (YJN)

YBhg. Dato' Othman Desa, Pengarah & Pengurus Besar Yayasan Jabal Nur (YJN) telah mengadakan Majlis Jamuan Aidilfitri pada 11 Mei 2023, jamuan kali ini dibuat dengan potluck iaitu pada setiap kelompok/pejabat membawa menu makanan sendiri kemudian digabungkan untuk dinikmati Bersama, turut hadir YBhg. Ustaz Hj Salehuddin Yaacob, Naib Presiden II WOAG Malaysia, dan beliau sempat berbilang bersama para tetamu yang hadir untuk mengenal lebih luas tentang apa dan bagaimana peranan WOAG Malaysia serta membagikan buku profile WOAG Malaysia kepada tetamu yang ada.



Malaysia, Mei 2023

PROGRAM SARAHAN PENGAJIAN ISLAM SIRI 3

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dengan kerjasama Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah menganjurkan Program Sarahan Pengajian Islam Siri 3 bertemakan “Ilmu Usul Fiqh dan Kepentingannya dalam Ilmu Islam Kontemporari”. Program ini diadakan secara terbuka untuk semua terutama kepada para pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), manakala sarahan langsung disampaikan oleh YBhg al-Imam Prof. Dr. Syeikh Ali Juma’ah (mantan Mufti Negara Republik Mesir).

Program ini diadakan pada 23 Mei 2023M bersamaan 3 Zulqa’dah 1444H (Selasa) bermula dari jam 9.30 pagi hingga 12.30 petang di Auditorium Mohd Asri Muda (AMAM), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya atas anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) dengan Kerjasama Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia).



MESYUARAT AHLI MAJLIS SYURA WOAG MALAYSIA 2023

Mesyuarat yang diadakan ini merupakan mesyuarat bagi Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia dalam tahun 2023 dan dihadiri seramai 11 orang ahli mesyuarat. Banyak agenda yang dibincangkan pada kali ini sehingga mesyuarat berakhir pada jam 04.15 petang.



MAJLIS ILMU BERSAMA SYEIKH PROF. DR ALI JUMA'AH DAN AL-HABIB UMAR BIN MUHAMMAD BIN SALIM BIN HAFIZ

Pejabat YAB Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah men-
ganjurkan Majlis Ilmu bersama Sheikh al-Imam Prof Dr. Ali Juma'ah (Mantan Mufti
Negara Mesir) dan Sheikh al-Habib Umar bin Muhammad bin Salim bin Hafiz (Pengasas
dan Pengetua Maahad Darul Mustafa Negara Yaman), Jabatan ini berbesar hati menjem-
put YBhg. Dato' Presiden bersama dengan Ahli Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar
Malaysia untuk menghadiri majlis tersebut.



Malaysia, Mei 2023

Program Majlis Ilmu ini berlangsung pada 26 Mei 2023M bersamaan 6 Zulq'adah 1444H (Jumaat) bermula dari jam 06.00 petang – 10.30 malam di Masjid Putra, Putrajaya. Turut Hadir iaitu YB Dato' Sri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, YBhg. Al-Imam Sheikh Prof. Dr. Ali Jumaah, Mantan Mufti Negara Mesir, YBhg. al-Habib Umar bin Hafiz, Pengasa Maahad Darul Mustafa Yaman, YBhg. SS Datuk Prof. Madya Dr. Luqman bin Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan dan Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia, YBhg. Ustaz Ali Rashid @ Dudi Rusadi, Wakil SUK WOAG Malaysia, Para Alim Ulama Seluruh Malaysia dan Luar Negara serta Duta-Duta Besar Timur Tengah dan para Jamaah dari dalam dan luar Negara.



MAJLIS PELANCARAN BUKU PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM DI MALAYSIA

YBhg. Dato' Wan Muhamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz (Timbalan Pengerusi IKIM dan Ahli Majlis Syura WOAG Malaysia) telah hadir dalam Majlis Pelancaran Buku Pengurusan Hal Ehwat Islam di Malaysia yang berlangsung di reruai MAPIM, WTC Kuala Lumpur. Manakala turut hadir bersama YBhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty (Pengerusi IKIM) serta YBhg. Prof Madya Dr. Mohamed Azam bin Mohamed Adil (Ketua Pengarah IKIM).

Majlis ini berlangsung pada 27 Mei 2023M bersamaan 7 Zulqa'dah 1444H (Sabtu) bermula dari jam 03.00 petang hingga selesai bertempat di Bangunan World Trade Centre Kuala Lumpur (WTC KL), Jalan Tun Ismail, Chow Kit, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.



Malaysia, Jun 2023

KUNJUNGAN HORMAT WOAG MALAYSIA TERHADAP PENGARAH BAHAGIAN EDUCATION MALAYSIA JPT

Kunjungan hormat Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) ke atas Pengarah Bahagian Education Malaysia JPT telah diadakan pada 6 Jun 2023 hari Selasa jam 9.30 pagi hingga 11.00 pagi di Bhgn. Education Malaysia JPT, Putrajaya, Malaysia. Hadir ialah: Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, Presiden WOAG Malaysia. Y.Bhg. Ustaz Hj. Salehuddin Yaacob, Naib Presiden II WOAG Malaysia. Y.Bhg. Prof. Dr. Mustaffa Abdullah, Setiausaha WOAG Malaysia. Y.Bhg. Ustaz Abdul Rahim Abd Latif, Setiausaha Kerja WOAG Malaysia. Y.Bhg. Ustaz Raafat M.H Abusabha, Pembantu Pejabat - B.Arab. serta kehadiran daripada Bahagian Education Malaysia iaitu Y.Bhg. Dato' Shusilil Azam, Pengarah BEM. Y.Bhg. Puan Najah, Ketua Seksyen OL. Dan Y.Bhg. Ustaz Shahrul, Pen. Pengarah BEM. WOAG Malaysia mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg. Pengarah BEM atas kesediaan menerima kunjungan ini.



MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA AHLI JAWATANKUASA PERHUBUNGAN WOAG MALAYSIA NEGERI KEDAH

Pada 20 Jun 2023 (Selasa) Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia (WOAG Malaysia) telah berjaya mengadakan Majlis Makan Malam Bersama Ahli Jawatankuasa Perhubungan WOAG Malaysia Negeri Kedah, majlis bermula dari jam 8.00 malam yang bertempat di Restoran Sala Classic, Alor Mengkudu, Alor Setar, Kedah. Dalam majlis tersebut telah dipersetujui untuk melantik seorang Pengerusi Perhubungan iaitu Y.Bhg. Ustaz Zubair Abd Rahman, Unishams. Dan Y.Bhg. Ustaz Badrul Hisham Abd Rahman, Guru Maktab Mahmud sebagai Tim. Pengerusi, serta Y.Bhg. Syeikh Mohd Fairuz Mohamad, Pen. Pengarah JHEAIK sebagai Setiausaha Pengerusi Perhubungan WOAGM Negeri Kedah.



Perbincangan yang dibahasakan pada majlis tersebut ialah Cadangan Gerak Kerja Jawatankuasa Perhubungan WOAGM Negeri Kedah antaranya akan mengadakan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Perhubungan serta berusaha untuk Mewujudkan Pejabat Rabitah Maktan Kedah (seperti di Terengganu).

Kehadiran dalam majlis tersebut ialah delegasi daripada Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia iaitu Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti, Presiden. Y.Bhg. Ustaz Hj Salehuddin Yaacob, Naib Presiden II. Y.Bhg. Sr. Hj. Abdullah Sani Hj. Hanafi, Pen. Bendahari. Y.Bhg. Datin Zaharah Md Hashim, Ahli Majlis Syura. Y.Bhg. Ustaz Abdul Rahim Abd Latif, Setiausaha Kerja. Y.Bhg. Ustaz Muhammad Aidil Idham bin Mohd Zamri, Ahli NADA.

Malaysia, Jun 2023

Manakala kehadiran daripada Negeri Kedah iaitu Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Abdul Ghani, Unishams. Y.Bhg. Hj. Fadzil Hanafi, Mantan Exco Kedah. Y.Bhg. Ustaz Firdaus Hat, Guru Maahad Imam Syafie. Y.Bhg. Ustaz Badrul Hisham Abd Rahman, Guru Maahad Mahmud. Y.Bhg. Ustaz Mohd Radzi Ismail Albakri, Guru Kafa. Y.Bhg. Ustaz Ahmad Noorhadi Ahmad, Pen. Pengarah Bhgn Pendidikan JHEAIK. Y.Bhg. Syeikh Mohd Fairuz Mohamad. Y.Bhg. Datin Khadijah Ismail. Y.Bhg. Ustaz Zubair Abd Rahman, Unishams. Semua Ahli Kedah yg terlibat dalam Majlis Makan Malam ini dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perhubungan WOAGM Negeri Kedah.

